AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 49
RUANGAN : DUNIA



Terdapat dua calon vaksin memasuki percubaan Fasa 2 terhadap manusia adalah vaksin mRNA yang dibangunkan oleh Pusat Penyelidikan Vaksin Chula (Chula VRC) dan vaksin DNA dihasilkan Bionet-Asia. (Foto AGENSI)

Penularan COVID-19

Thailand sedia uji vaksin

2 prototaip masuki fasa percubaan kedua tahun depan

Bangkok: Institut Vaksin Kebangsaan Thailand kelmarin mengumumkan dua daripada tujuh calon vaksin COVID-19 berjaya diuji terhadap haiwan dan bakal menjalani ujian ke atas manusia.

Pengarahnya, Dr Nakorn Premsri, berkata dua calon vaksin memasuki percubaan Fasa 2 terhadap manusia adalah vaksin mRNA yang dibangunkan oleh Pusat Penyelidikan Vaksin Chula (Chula VRC) dan vaksin DNA dihasilkan Bionet-Asia.

Chula VRC menjangkakan prototaip vaksin mRNA akan memasuki fasa ujian terhadap manusia sekitar April tahun depan.

Prototaip mRNA pertama kali diuji ke atas 72 sukarelawan dan sekiranya ujian terbabit berjaya, maka prototaip Chula akan memasuki percubaan fasa kedua membabitkan 600 individu.

Sementara itu, Nakorn berkata lima calon vaksin yang lain kini sedang menjalani ujian ke atas haiwan.

Setakat ini, tiada vaksin untuk merawat COVID-19 ditemui namun banyak vaksin berpotensi sedang dikaji selain beberapa ujian klinikal besar dijalankan dan hasilnya akan dilaporkan akhir tahun ini.

Menurut laman sesawang Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ketika ini terdapat lebih 100 calon vaksin sedang dibangunkan, yang mana sebahagian daripadanya sedang dalam fasa percubaan terhadap manusia.

WHO bekerjasama dengan saintis, entiti perniagaan dan pertubuhan kesihatan global melalui ACT Accelerator untuk mempercepatkan tindak balas terhadap pandemik.

Apabila vaksin yang selamat dan berkesan ditemui, COVAX (diterajui WHO, GAVI dan CEPI) akan memudahkan akses serta pengedaran vaksin secara adil bagi melindungi penduduk dunia.

COVID-19 yang mula dikesan di Wuhan, China akhir tahun lalu setakat ini sudah menjangkiti 59,570,462 orang dan mengorbankan 1,403,111 nyawa di 218 negara di seluruh dunia. AGENSI

Vaksin percuma untuk semua rakyat Jordan

Amman: Vaksin COVID-19 bakal diberi percuma kepada rakyat dan penduduk Jordan berdasarkan keutamaan tertentu, kata Menteri Kesihatan, Nazir Obeidat.

"Rancangan bersepadu kerajaan adalah memberi vaksin kepada kumpulan yang memerlukan dan memastikan semua yang berhak diberi suntikan," katanya kepada media kelmarin.

Obaidat, yang dipetik agensi berita Jordan (Petra), berkata kementeriannya juga memperbaharui protokol rawatan termasuk antivirus dan ubat-ubatan lain, berdasarkan syor serta standard antarabangsa.

Katanya, keadaan epidemiologi di Jordan masih serius dan memerlukan semua mematuhi langkah keselamatan serta pencegahan, terutama memakai pelitup muka dengan cara yang betul dan mematuhi penjarakan fizikal. BERNAMA

Vaksin COVID-19 bakal diberi percuma kepada rakyat dan penduduk Jordan. (Foto BERNAMA)

UK singkatkan kuarantin jika keputusan saringan negatif

London: Pengembara dari luar England bakal menjalani perintah kuarantin lebih singkat iaitu lima hari saja selepas ketibaan jika saringan COVID-19 mereka didapati negatif, umum kerajaan United Kingdom (UK).

UK berharap peraturan baharu itu akan memulihkan semula industri pengembaraan khususnya penerbangan yang mengalami kerugian besar susulan sekatan udara akibat penularan pandemik itu.

Peraturan itu akan dilaksanakan mulai 15 Disember ini kepada semua individu yang tiba di England melalui udara, feri atau kereta api.

Peraturan ketika ini mewajibkan individu menjalani kuarantin selama 14 hari jika memasuki UK.

Setiausaha Pengangkutan, Grant Shapps, berkata penumpang dikehendaki membuat tempahan bagi ujian dan kuarantin lima hari itu sebelum memulakan perjalanan ke UK.

"Sementara itu, individu yang memilih untuk tidak berbuat demikian perlu menjalani kuarantin selama dua minggu.

"Strategi saringan terbaru ini membolehkan kita lebih bebas melakukan perjalanan, berjumpa insan tersayang dan melakukan urusan antarabangsa.

"Dengan memberikan orang ramai pilihan untuk menjalani saringan selama lima hari, kita turut menyokong industri kembara yang perlu dipulihkan akibat pandemik," katanya.

Kerajaan UK menetapkan dasar pengangkutan untuk England, manakala Scotland, Wales dan Ireland Utara melaksanakan peraturan sendiri.

London bertindak mengubah keputusan apabila melihat bukti kuarantin selama lima hari memberikan keputusan lebih baik, berbanding saringan sejurus ketibaan.

Strategi baharu itu turut dilengkapi dengan pelan kewangan untuk pengangkutan komersial di England. AFP

Strategi saringan terbaru ini membolehkan kita lebih bebas melakukan perjalanan, berjumpa insan tersayang dan melakukan urusan antarabangsa.

Grant Shapps,
Setiausaha Pengangkutan UK